



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Ada Apa Dengan Kegagalan Matematik 1 Daripada 4 Murid Dalam SPM 2022?

Penulis: Muhammad Shahimi Ariffin

MUKAH: Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah sebuah peperiksaan kebangsaan utama yang ditadbir secara berpusat dengan mengambil kira elemen penilaian kerja kursus yang diuruskan oleh sekolah iaitu diduduki pada akhir pendidikan sekolah menengah. Objektif peperiksaan ini adalah untuk persijilan berbentuk mata pelajaran iaitu hanya merekodkan setiap mata pelajaran yang lulus sahaja di samping dengan memenuhi syarat minimum iaitu lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah. Keputusan peperiksaan ini akan digunakan untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT) berdasarkan kepada pencapaian kombinasi pelajaran dalam peperiksaan tersebut dan disepadankan dengan kursus yang hendak diikuti. Selain itu juga, ia digunakan untuk saringan kelayakan mendapatkan biasiswa dan kadang kala untuk tujuan mendapatkan pekerjaan.

Kegagalan lebih suku daripada jumlah keseluruhan murid dalam mata pelajaran matematik adalah sangat membimbangkan memandangkan hampir semua kursus di IPT memerlukan sekurang-kurangnya keputusan SPM memperoleh kepujian dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris di samping lulus Bahasa Melayu dan Sejarah. Hal ini perlu dipandang serius bukan sahaja oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) malah ibu bapa secara amnya. Cabaran untuk menarik minat murid terhadap mata pelajaran matematik perlu dipikul sama rata oleh semua lapisan masyarakat.

Kegagalan ini telah menafikan kelayakan seseorang untuk melanjutkan pengajian dalam bidang kritikal sekaligus telah menyebabkan negara mengalami kerugian kepakaran sumber manusia dalam tempoh beberapa tahun mendatang. *Trend* ini jika dibiarkan berterusan akan memberikan impak yang tidak baik kepada masa depan negara. Memupuk minat murid kepada mata pelajaran Matematik perlu dilakukan seawal pendidikan rendah lagi. Silibus yang sarat dan berat akan membebaskan mereka, lantas membuatkan mereka berfikir bahawa Matematik bukanlah sebuah mata pelajaran yang seronok untuk diterokai. Justeru KPM perlu melihat isu melibatkan silibus ini sebagai keutamaan untuk diselesaikan. Penguasaan Matematik perlulah dimulakan dengan beberapa asas seperti mengira hasil tambah, tolak, darab dan bahagi. Untuk menguasai operasi tambah dan tolak, kebanyakan murid tidaklah menghadapi masalah, namun apabila melibatkan operasi darab dan bahagi, murid mula kehilangan minat terhadap mata pelajaran ini. Bagi mengatasi masalah ini, ibu bapa perlu membantu anak-anak untuk menghafal sifir terlebih dahulu di rumah. Ibu bapa tidak boleh sesekali menyerahkan tugas ini kepada guru-guru di sekolah semata-mata kerana proses menghafal sifir ini memerlukan masa dan ulangan. Bayangkan sekiranya sifir tidak mampu diingati oleh murid. Kesannya mereka tidak akan mampu membuat soalan operasi bahagi apatah lagi untuk memahami konsep bahagi.

Kita tidak mahu melahirkan masyarakat yang buta Matematik di masa hadapan. Jadi kita perlu berganding bahu untuk memastikan *trend* generasi yang tidak meminati Matematik ini dapat kita atasi bersama kerana pada masa hadapan, Malaysia adalah sebuah negara yang akan kita wariskan kepada cucu cicit kita.